

## BAB 2

### KAJIAN MASA LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Penglibatan audiens atas medium atau mesej tertentu adalah secara sukarela. Keadaan sukarela tersebut membina persekitaran bagi pasaran ekonomi untuk produk media. Walau bagaimanapun, tingkah laku kita bukan secara sukarela dengan sepenuhnya. Pilihan kita adalah terhad kepada apa yang dibekalkan oleh penghasil [produk media]. Sebagai pengguna, kita hanya boleh memilih apa yang terdapat dalam menu media (Ryan & Wentworth, 1999: 17).

#### 2.2 Definisi Penggunaan

Dalam bukunya, *Keywords* (1976), Raymond Williams mendefinisikan penggunaan sebagai satu proses di mana barang atau produk digunakan, dirosakkan atau dimusnahkan. Menurut beliau, penglibatan aktif dengan kandungan media merupakan satu bentuk penggunaan media, tetapi pembelian dan pameran objek media seperti set televisyen juga merupakan penggunaan media. Kajian tentang penggunaan dapat melihat kepentingan yang diberi kepada hubungan sosial antara barang dan makna simboliknya (Taylor & Willis, 2000:203). Perkataan penggunaan media massa dalam kajian ini hanya merujuk kepada penglibatan aktif dengan kandungan media dan pembelian objek media bagi golongan istimewa. Pameran objek media tidak diambil kira kerana kesan pameran tersebut tidak begitu besar bagi subjek kajian (golongan cacat penglihatan) disebabkan mereka tidak dapat atau kurang berupaya untuk melihat kehadiran media massa.

Selain itu, golongan istimewa jarang mempunyai keupayaan ekonomi untuk membeli objek media yang diperlukan oleh mereka. Kos untuk membeli media massa bagi

golongan tersebut adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan masyarakat majoriti kerana alat bantuan khas perlu dibeli bersama untuk membolehkan mereka mengakses media massa. Oleh itu, kajian ini lebih menumpu kepada penglibatan aktif kandungan media massa oleh golongan istimewa dan kurang menumpu kepada pembelian media massa mereka.

Untuk kajian ini, penglibatan aktif dengan kandungan media dikatakan wujud kerana audiens diandaikan mempunyai kebebasan untuk memilih media massa yang ingin digunakan oleh mereka. Walau bagaimanapun, darjah keaktifan audiens adalah berlainan antara satu sama lain. Audiens melibatkan diri dengan kandungan media tetapi perhatian yang diberi ke atas kandungan tersebut adalah berlainan di kalangan audiens. Selain itu, untuk audiens yang sama, darjah keaktifannya dalam proses menggunakan media massa juga berbeza-beza.

### **2.3 Definisi Kandungan Media**

Definisi kandungan atau teks media massa telah beralih daripada pandangan tradisional, iaitu sebagai teks yang dicetak atas kertas, kepada definisi yang lebih luas termasuk ucapan, muzik dan kesan suara, imej dan lain-lain lagi (Bell & Garrett, 1998:3). Oleh itu, untuk kajian ini, kandungan media massa merangkumi artifaks komunikatif yang dihasilkan oleh teknologi komunikasi tradisional dan baru, termasuk teks yang dicetak pada kertas, ucapan, muzik, kesan suara dan imej.

### **2.4 Definisi Minoriti**

Kebanyakan negara mempunyai kumpulan minoriti agama, etnik dan kaum dalam sempadan mereka. Layanan atas kumpulan tersebut adalah berbeza dari satu negara dengan

negara yang lain. Layanan itu bergantung kepada sistem politik dan ekonomi, serta hubungan sejarah antara kumpulan dominan dengan subordinat [di negara tertentu] (Wilson & Gutierrez, 1985:20).

Dari sudut statistik, perkataan "minoriti" merujuk kepada kumpulan yang bilangannya kecil dan kurang daripada majoriti (Wilson & Gutierrez, 1985:13), tetapi seperti yang dikatakan oleh Danny Saunders (dalam O'Sullivan *et al*, 1994:182), ia adalah amat *misleading* jika kita menentukan golongan minoriti dengan merujuk kepada angka. Beliau mengatakan bahawa golongan minoriti merupakan '*a group that is associated with a lack of power*'. Bersabit dengan definisi tersebut, pengguna media yang mempunyai bilangan besar, seperti kumpulan wanita, juga dikatakan sebagai golongan minoriti kerana mereka kekurangan kuasa (Taylor & Willis, 2000:184).

Oleh itu, golongan minoriti, untuk kajian ini, ialah mereka yang tidak atau kurang berkuasa. Mereka termasuk kumpulan masyarakat yang berada di margin pembangunan sosial ekonomi, politik dan budaya, termasuk golongan istimewa, warga tua, dan golongan minoriti dari segi budaya dan agama (Mustafa, 1994:201). Menurut Barker (1948), orang yang kurang berupaya dari segi fizikal, ialah ahli daripada *underprivileged minority*. Chelser pula berpendapat bahawa golongan tersebut kerap kali dijadikan sasaran untuk prasangka interpersonal dan antara kumpulan serta membina *minority outgroup* yang jarang dikaji (Yoon, 1970:24-25). Dengan itu, golongan minoriti yang dijadikan subjek kajian ini ialah golongan istimewa.

Di peringkat antarabangsa, World Health Organisation (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) telah menganggarkan bilangan golongan istimewa pada tahun 1981. Bilangan

tersebut meliputi 10% populasi penduduk dunia (Zuhra, 1999:5). Kini, di negara maju seperti Amerika Syarikat, bilangan golongan istimewa adalah lebih kurang 54 milion orang (*The Star*, 9/10/01).

#### 2.4.1 Golongan Istimewa Di Malaysia

Untuk keadaan di Malaysia, terdapat 40,370 orang daripada golongan istimewa mendaftarkan diri dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia sehingga 31/12/89 (Wong, 1991:3). Berdasarkan perangkaan Unit Pendaftaran Jabatan Kebajikan Masyarakat yang lebih terkini, populasi golongan istimewa adalah sekitar 55,570 orang di seluruh Malaysia (Zuhra, 1999:2). Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2002), dalam "Perkhidmatan Negeri: Perkhidmatan Orang Kurang Upaya", pemprosesan untuk permohonan bagi pendaftaran golongan istimewa akan mengambil masa selama satu bulan dan kad pendaftaran akan diberi kepada golongan tersebut dalam tempoh dua bulan dari tarikh permohonan mereka diterima.

Selain daripada bilangan golongan istimewa, tahap kemiskinan golongan tersebut juga merupakan satu anggaran. Menurut Ganapathy (1992), tidak ada perangkaan atau kajian yang menunjukkan tahap kemiskinan golongan istimewa di Malaysia. Walau bagaimanapun, kita boleh membuat kesimpulan bahawa majoriti golongan istimewa berada dalam *disadvantaged position*. Hanya 10 hingga 20% daripada 89,000 orang golongan istimewa yang boleh dianggap sebagai golongan yang *economically active* dan *earning a living* atau merupakan golongan yang *self-employed* (Jayasooria, 1996:90-92).

John Kim (1991) berpendapat bahawa pengabaian dan sikap negatif masyarakat terhadap golongan istimewa wujud dan golongan tersebut dikatakan sebagai "rakyat kelas kedua" dan "*lesser people*". Menurut beliau (Jayasooria, 1996:100):

*I am saying this because the disabled have been excluded from the general development of the country. From the construction of public roads, buildings and school, to access to supermarkets, public transport and recreational parks, the special needs of the disabled have not been catered for.*

Menurut Jayasooria (1996:298), di Malaysia, golongan istimewa biasanya dilihat dari perspektif kebijakan sosial. Keadaan tersebut mungkin merupakan salah satu faktor yang menyebabkan golongan istimewa tidak dikategorikan dalam golongan miskin, walaupun mereka merupakan golongan yang "paling miskin di kalangan golongan miskin" di Malaysia. Oleh itu, Jayasooria menyatakan bahawa (1996:337):

*A majority of disabled people are disadvantaged and excluded from mainstream society whereas a majority of non-disabled people of Malaysia are not.*

Kajian tempatan tentang golongan istimewa amnya dan orang cacat penglihatan khasnya adalah amat terhad. Kajian tersebut yang ada kini lebih menyentuh tentang pendidikan golongan cacat penglihatan. Perkara tersebut berlaku kerana pendidikan ialah perkhidmatan pemulihan yang paling awal diperkenalkan kepada golongan cacat penglihatan di negara ini (Wong, 1991:17).

Apabila kita membandingkan penulisan-penulisan yang ada di dalam dan di luar negara, khasnya Amerika Syarikat dan England, kita mendapati bahawa kajian yang dilakukan tentang golongan cacat penglihatan di negara ini adalah amat terhad. Keadaan ini dapat dilihat dari segi bilangan kajian yang dilakukan dan bidang kajian yang dipelopori (Wong, 1991:35). Tambahan pula, golongan tersebut mungkin merupakan kumpulan yang paling *stigmatized* jika dibandingkan dengan kumpulan istimewa yang lain. Alan Gowman

(1957) mendapat hasil kajian yang menunjukkan bahawa cacat penglihatan ialah kekurangan yang paling teruk bagi sampelnya (Yoon, 1970:25). Oleh itu, kajian ini memilih golongan cacat penglihatan sebagai subjek kajian dan bukan golongan istimewa lain.

#### **2.4.2 Golongan Cacat Penglihatan Di Malaysia**

Mengikut senarai Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia sehingga 31/12/89, bilangan golongan cacat penglihatan yang telah mendaftarkan diri di seluruh Malaysia ialah 10,369 orang (Wong, 1991:14). [Pada tahun 1992], menurut Wong Sui Leong (1992), seramai 10,416 orang yang cacat penglihatan mendaftarkan diri dengan jabatan tersebut di seluruh Malaysia dan 1,511 orang daripadanya mendaftarkan diri di Lembah Klang. Walau bagaimanapun, angka tersebut tidak menggambarkan keadaan golongan istimewa yang sebenar di negara ini kerana pendaftaran tersebut adalah secara sukarela (Jayasooria, 1996:86). Menurut *Encyclopedia Americana*, percubaan untuk mengumpul perangkaan tepat bagi golongan cacat penglihatan di seluruh dunia mempunyai pencapaian yang terhad. Salah satu masalah adalah disebabkan tidak wujud satu definisi cacat penglihatan yang diterima di peringkat antarabangsa.

#### **2.5 Definisi Cacat Penglihatan**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation atau WHO) mendefinisikan orang yang cacat penglihatan seperti berikut (Sumitha, 1998):

*A person is visually impaired when the eyesight is so weak that it is difficult or impossible for him or her to read ordinary print on his or her own; and to find his or her way about. Those having a visual acuity of not more than 0.3 or who have a limited field of vision are also termed visually impaired.*

Menurut Mary K. Bauman (1963) pula, perkataan cacat penglihatan merangkumi lima kategori (Yoon, 1970:44-5):

- 1) *totally blind with no light perception or light projection;*
- 2) *light perception or light projection but insufficient vision to be of use in travels;*
- 3) *perception of large objects and movement to a degree which may be defined as travel vision;*
- 4) *travel vision and/or the ability to read print with special magnification;*
- 5) *partially sighted with reading vision, with or without magnification, but not sufficient for normal reading and other eyesight is essential*

Perkataan *visually impaired persons* (golongan cacat penglihatan) merangkumi kelima-lima kategori; *blind persons* (golongan buta) merangkumi empat kategori pertama; *partially sighted persons* pula merujuk kepada kategori terakhir (Yoon, 1970:45). Oleh itu, untuk kajian ini, golongan cacat penglihatan termasuk kelima-lima kategori tersebut.

Menurut *Encyclopedia Americana*, faktor yang menyebabkan cacat penglihatan berbeza mengikut tahap ekonomi seseorang. Faktor-faktor tersebut merangkumi kelukaan, keracunan, *infectious diseases, general systemic diseases, malnutrition, prenatal factors atau diseases of unknown origin.*

## 2.6 Penggunaan Media Massa Oleh Golongan Cacat Penglihatan

Selepas membincangkan definisi-definisi penting, bahagian ini melihat kajian-kajian awal penggunaan media massa bagi golongan cacat penglihatan untuk menentukan rangka kasar bagi arah tuju kajian ini.

The American Printing House for the Blind telah melakukan kajian di Amerika Syarikat. Kajian ini menunjukkan bahawa antara pelajar *legally blind* yang belajar di 5,250 buah sekolah di situ, lebih kurang 82% adalah biasa dengan pembacaan bahan cetak dan

hanya 14% yang membaca buku Braille. Di sekolah berasrama pula, hanya 29% pelajar *legally blind* yang biasa dengan pembacaan bahan cetak dan 61% yang membaca buku Braille (Yoon, 1970:43).

Kajian Hampshire (1981) menunjukkan bahawa pembaca Braille dalam populasi cacat penglihatan hanya merupakan minoriti sahaja. Angka sebenar bagi pembaca yang menggunakan Braille dengan kerap adalah rendah iaitu 0.5% daripada populasi cacat penglihatan, walaupun di negara yang mempunyai kelengkapan untuk menghasilkan Braille yang baik. Terdapat tiga aspek utama yang menyebabkan keadaan tersebut berlaku iaitu ciri-ciri populasi, *inherent difficulties* bagi Braille, dan penggunaan media alternatif (Hampshire, 1981:13-4).

Hasil kajian Gray dan Todd (1968) atas keupayaan dan tabiat membaca di kalangan golongan buta menunjukkan bahawa, untuk mereka yang berusia 16-64 tahun, 90% daripada mereka yang telah belajar Braille di sekolah mengatakan bahawa mereka adalah cukup baik untuk membaca sebuah buku, manakala hanya 43% daripada mereka yang tidak belajar Braille di sekolah mengatakan bahawa mereka adalah cukup baik untuk membaca sebuah buku (Gray & Todd, 1968:76). Menurut hasil kajian mereka lagi, penggunaan buku audio (*talking book*) adalah tinggi di kalangan responden mereka. 37% daripada mereka yang berusia 16-64 tahun dan mempunyai mesin membaca buku audio, serta 58% daripada mereka yang berusia 65-79 tahun dan mempunyai mesin membaca buku audio, membaca sekurang-kurangnya tiga buah buku dalam masa sebulan bagi enam bulan yang lepas. Peratusan ini lebih tinggi daripada mereka yang membaca buku Braille dan ia membuktikan bahawa faktor umur tidak menghadkan penggunaan buku audio dan penghargaannya. Ia juga menunjukkan bahawa buku audio mempunyai nilai tertentu apabila kesihatan dan

keaktifan adalah berkurangan. Walau bagaimanapun, mereka yang pernah cuba untuk membaca Braille tetapi gagal untuk melakukannya adalah lebih cenderung untuk membaca tiga buah buku audio sebulan daripada kumpulan lain (Gray & Todd, 1968:80).

Mereka yang berusia 16-64 tahun, yang telah menghentikan keahlian mereka di National Library for the Blind, memberi alasan seperti mereka lebih berminat dalam perkara lain seperti menggunakan televisyen dan radio daripada membaca buku perpustakaan. Selain itu, 83% daripada mereka akan memilih buku audio berbanding Braille (15%) dan Moon (2%) jika buku yang ingin dibaca oleh mereka mempunyai ketigatiga bentuk buku audio, Braille dan Moon (Gray & Todd, 1968:99 dan 103).

Kajian lain (Graham *et al*, 1968) atas 851 orang yang cacat penglihatan menunjukkan bahawa tindakan mendengar radio dan televisyen serta membaca adalah sumber maklumat dan *relaxation* yang penting. Walaupun televisyen mendapat peminat daripada mereka yang menggunakan buku audio dan Braille, ia tidak dapat menyingkirkan media massa tersebut. Secara umumnya, ia tidak memuaskan responden kajian kerana ia tidak memenuhi citarasa pihak lelaki dewasa daripada kelas menengah (Graham, 1968:97).

Sebaliknya, menurut kajian yang sama, radio merupakan medium yang paling popular. Tabiat serta citarasa responden kajian tersebut akan mengekalkan kedudukan radio sebagai medium yang paling digemari. Selain itu, dua per tiga daripada responden tersebut amat berminat dengan potensi rekod, tetapi menurut mereka, tidak ada agensi, sama ada awam atau swasta, yang dapat memenuhi minat mereka itu (Graham, 1968:97).

Untuk keadaan di Malaysia pula, kajian Zuhra Zainuddin (1999) telah menunjukkan bahawa 80% bahan rujukan respondennya ialah buku atau majalah, 10% ialah Internet, 5% ialah CD Rom dan 5% ialah bahan audio visual.

Merujuk kepada perbincangan di atas, hampir semua kajian tentang penggunaan media massa oleh golongan cacat penglihatan dilakukan di negara asing. Selain itu, kebanyakan kajian tersebut lebih cenderung untuk menunjukkan jenis media massa yang lebih kerap digunakan oleh golongan tersebut. Oleh itu, kajian ini, yang cuba membincangkan tujuan dan masalah penggunaan media massa, peranan media massa dan tahap kepuasan golongan cacat penglihatan, adalah penting untuk memenuhi kekosongan dalam usaha memahami penggunaan media massa bagi golongan tersebut, khasnya di negara kita.

## 2.7 Rangka Teoritis

Teks media [atau kandungan media] adalah *polysemic* dan membawa banyak makna. Dengan ini, dalam konteks tertentu, golongan minoriti boleh dekod teks media [menglibat diri secara aktif dengan kandungan media atau menggunakan media massa] dalam pelbagai cara berdasarkan kedudukan ekonomi, sosial dan budaya mereka dalam masyarakat (Taylor & Willis, 2000:185).

Pendekatan awal yang mengkaji penggunaan media oleh audiens ialah pendekatan penggunaan dan kepuasan. Pendekatan ini mengandaikan bahawa audiens adalah aktif dan mempunyai keperluan yang cuba dipenuhi melalui penggunaan media massa mereka.

### **2.7.1 Sejarah Perkembangan Pendekatan Penggunaan Dan Kepuasan**

Menurut Cantril (1942), bidang komunikasi yang awal mempunyai satu pendekatan yang mengkaji jenis kandungan yang dapat memuaskan keperluan sosial dan psikologi ahli masyarakat. Katz, Blumer & Gurevitch (1974) mengatakan bahawa kajian kesan media telah mengenalpasti satu senarai fungsi kandungan [media massa] atau medium itu sendiri (Ruggiero, 2000:2-4):

*To match one's wits against others, to get information and advice for daily living, to provide a framework for one's day, to prepare oneself culturally for the demands of upward mobility, or to be reassured about the dignity and usefulness of one's role.*

Wimmer dan Dominick (1994) mencadangkan bahawa pendekatan penggunaan dan kepuasan bermula pada tahun 1940-an apabila pengkaji berminat untuk mengetahui sebab audiens melibatkan diri dalam pelbagai bentuk tingkah laku seperti mendengar radio atau membaca akhbar. Walau bagaimanapun, menurut McQuail (1994), kebanyakan sarjana **bersetuju** bahawa kajian awal tersebut adalah behavioristik dan individualistik. Biasanya ia **tidak cuba** untuk mengkaji hubungan antara kepuasan yang dikesan dengan keadaan **psikologi** dan sosiologi bagi keperluan audiens (Ruggiero, 2000:4-5). Menurut mereka **lagi**, pada tahun 1950-an dan 1960-an, pengkaji mengenalpasti banyak boleh ubah **sosial** dan psikologi yang diandaikan sebagai *precursor* bagi corak penggunaan dan kepuasan. Schramm, Lyle dan Parker (1961) membuat kesimpulan bahawa penggunaan **televisyen** bagi kanak-kanak dipengaruhi oleh keupayaan mental individu dan hubungan **mereka** dengan ibu bapa dan rakan (Ruggiero, 2000:5).

Katz dan Foulkes (1962) menkonsepsualisasikan penggunaan media massa sebagai **melarikan diri**. Mendelsohn (1964) pula mengenalpasti beberapa fungsi radio iaitu **menemani** audiens, *bracketing the day*, menukar mod, mengatasi kesunyian dan

kebosanan, mendapat berita dan maklumat yang berguna, melibatkan diri dalam beberapa perkara, dan membantu interaksi sosial (Ruggiero, 2000).

Kajian yang dikendali pada masa itu mencerminkan satu peralihan daripada model tradisional kepada pendekatan yang lebih bersifat fungsionalis. Sejak 1950-an, kajian yang melepas batasan disiplin, yang dilakukan oleh pengkaji penggunaan dan kepuasan dan ahli psikologi, telah menghasilkan banyak perbincangan tentang cara manusia berinteraksi dengan media. Pada tahun 1970-an, pengkaji penggunaan dan kepuasan seperti Katz, Gurevitch, dan Haas (1973) menyenaraikan keperluan sosial dan psikologi yang perlu dipenuhi melalui penggunaan media massa (Ruggiero, 2000:6).

Pendekatan penggunaan dan kepuasan semakin mendapat sambutan baik dalam masyarakat disebabkan tiga perkembangan, iaitu satu perkembangan metodologi dan dua perkembangan teori (Baran & Davis, 2000:253):

- i) Kaedah baru bagi soal selidik dan teknik menganalisa data dalam kajian telah membenarkan perkembangan strategi baru untuk mengendalikan kajian dan menginterpretasikan penggunaan dan kepuasan pengguna media massa.
- ii) Pada tahun 1970-an, sesetengah pengkaji media massa membina kesedaran masyarakat tentang penggunaan aktif media massa oleh pengguna merupakan satu faktor yang penting untuk mempengaruhi kesan media massa.
- iii) Sesetengah pengkaji media massa mula menyatakan bahawa kajian kesan media massa pada masa itu terlalu menekankan kesan media yang negatif atau yang tidak diingini, manakala kesan media yang positif atau diingini telah diabaikan.

Selepas itu, pada tahun 1980-an, pengkaji mula menilai semula andaian yang mengatakan bahawa audiens adalah aktif. Rubin (1984) mencadangkan bahawa keaktifan audiens bukan satu konsep yang *absolute*, ia merupakan konsep yang berubah-ubah. Individu yang berbeza cenderung melakukan jenis dan jumlah aktiviti yang berlainan dalam keadaan komunikasi yang berbeza pada masa yang berlainan (Ruggiero, 2000:8). Oleh itu, menurut Roe (1983), Rosengren & Windahl (1989) dan Dobos (1992), pendekatan penggunaan dan kepuasan perlu membuktikan diri sebagai pendekatan yang berkesan dalam menentukan kepentingan konteks sosial sebagai faktor dalam pengalaman komunikasi. Jelasnya, cara pemilihan individu dalam tindakan untuk menggunakan media adalah berbeza mengikut kedudukan mereka dalam struktur sosial (Ruggiero, 2000:24).

### **2.7.2 Perkembangan Semasa Pendekatan Penggunaan Dan Kepuasan**

Menurut Finn (1997), perubahan dalam industri komunikasi dan pergabungan media massa dan teknologi digital telah mengubahkan corak pendedahan kebanyakan pengguna media. Kehadiran teknologi baru tersebut memberikan lebih banyak pilihan media kepada audiens, dan motivasi serta kepuasan audiens menjadi lebih penting dalam kajian audiens (Ruggiero, 2000:13-4).

### **2.7.3 Pendekatan Penggunaan Dan Kepuasan**

Menurut Mark Levy dan Sven Windahl (1985), perkataan "aktiviti audiens" mengandaikan bahawa audiens adalah bersifat sukarela dan selektif dalam proses komunikasi. Secara umum, pendekatan penggunaan dan kepuasan mempunyai andaian-andaian asas seperti berikut (Baran & Davis, 2000:256-8):

- i) Audiens adalah aktif dan penggunaan media adalah berorientasikan tujuan.

- ii) Inisiatif untuk mengaitkan kepuasan audiens kepada media massa tertentu adalah bergantung kepada audiens itu sendiri.
- iii) Media perlu bersaingan dengan punca lain yang memenuhi kepuasan pengguna.
- iv) Audiens mempunyai kesedaran diri yang memadai dalam hal-hal bersabit dengan penggunaan media massa, minat dan motif mereka. Mereka berupaya untuk membekalkan pengkaji satu gambaran jelas tentang penggunaan media massa mereka.
- v) Penilaian atas kaitan keperluan audiens dengan media massa atau kandungan media massa tertentu harus dihentikan.

Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan penggunaan dan kepuasan untuk melihat penggunaan media massa bagi golongan cacat penglihatan di Kuala Lumpur. Pendekatan ini melihat audiens adalah aktif dan berupaya untuk memilih media massa dengan bebas supaya keperluan mereka dipenuhi.